

TERMA & CONDITIONS FOR ASB FINANCING-i ("TERMS AND CONDITIONS")
TERMA DAN SYARAT UNTUK PEMBIAYAAN ASB-i ("TERMA DAN SYARAT")

1.0. PURPOSE/TUJUAN

- 1.1. **For personal consumption and not for luxurious purpose. The Applicant and Guarantor (if any) shall ensure that this ASB Financing-i Facility ("Facility") is not used to finance any non-halal or non-Shariah permissible activities. The Bank shall not be obliged to enquire as to the usage of this Facility or to ensure that they are in fact applied for the purpose mentioned in clause 3.1 below.**
Untuk penggunaan peribadi dan bukan untuk tujuan kemewahan. Pemohon dan Penjamin (jika ada) perlu memastikan bahawa Pembiayaan ASB-i ("Kemudahan") ini tidak digunakan untuk membiayai sebarang aktiviti tidak halal atau tidak patuh Syariah. Bank tiada sebarang obligasi untuk menyoal tentang penggunaan Kemudahan ini atau memastikan ia sebenarnya digunakan untuk tujuan yang disebut dalam klausa 3.1 di bawah.
- 1.2. **The official name of this facility is Tawarruq Term Financing-i Secured by Securities. The Bank may adopt or revise any marketing name for this facility (e.g., ASB Financing-i) from time to time due to regulatory, Shariah or internal policies and/or considerations. Such changes shall not affect the terms or obligations of this facility, and Customers will be notified accordingly.**
Nama rasmi kemudahan ini ialah Pembiayaan Berjangka-i Tawarruq Bercagarkan Sekuriti. Bank boleh menerima pakai atau menyemak semula mana-mana nama pemasaran untuk kemudahan ini (contohnya, Pembiayaan ASB-i) dari semasa ke semasa disebabkan oleh kawal selia, Syariah atau dasar dan/atau pertimbangan dalaman. Perubahan tersebut tidak akan menjejaskan terma atau kewajipan kemudahan ini, dan Pelanggan akan dimaklumkan sewajarnya.

2.0. DOCUMENTATION/DOKUMENTASI

- 2.1. **The applicant and guarantor (if any) named in the Application Form Together with Letter of Offer agree with Affin Islamic Bank Berhad ("Bank") that these Terms and Conditions shall be read together with the Application Form Together with Letter of Offer executed by the Customer(s) and shall bind the applicant and the guarantor (if any) whose application for ASB Financing-i has been approved by the Bank.**
Pemohon dan penjamin yang dinamakan dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran ini bersetuju dengan Affin Islamic Bank Berhad ("Bank") bahawa Terma dan Syarat ini harus dibaca bersama dengan Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran ini yang dilaksanakan oleh Pelanggan dan akan mengikat pemohon dan penjamin (jika ada) yang mana permohonannya untuk Pembiayaan ASB-i telah diluluskan oleh pihak Bank.
- 2.2. **Definition of Customer refers to the applicant and the guarantor (if any) named in the Application Form Together with Letter of Offer upon approval of the Facility by the Bank.**
Definisi Pelanggan merujuk kepada pemohon dan penjamin (jika ada) yang dinamakan dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran setelah Kemudahan ini diluluskan oleh pihak Bank.
- 2.3. **The headings in these Terms and Conditions are inserted for convenience only and shall not be taken or read as essential parts of these Terms and Conditions.**
Tajuk dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan hanya untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh diambil atau dibaca sebagai bahagian penting di dalam Terma dan Syarat ini.
- 2.4. **Terms and Conditions and all other documents relating to this Facility shall form a binding agreement of this Facility.**
Terma dan Syarat ini dan dokumen lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini akan membentuk perjanjian yang mengikat Kemudahan ini.

3.0. TERM FINANCING FACILITY/KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BERTEMPOH

- 3.1. **The Facility is to finance the following:**
Kemudahan ini adalah untuk membiayai perkara berikut:
- (a) **Purchase of Amanah Saham Bumiputera ("ASB") units from Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") by Customer as stated in the Application Form or such other number of ASB units that the Customer shall be entitled to purchase as determined by ASNB. The maximum ASB units purchase amount is up to RM200,000.00 per Customer, at any one time including the balance outstanding of the existing ASB financing-i (if any), or up to the maximum investment amount allowed by ASNB, whichever is lower; and**
Pembelian unit Amanah Saham Bumiputera ("ASB") dari Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") oleh Pelanggan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau jumlah unit ASB lain seumpamanya yang layak dibeli oleh Pelanggan seperti yang ditentukan oleh ASNB. Amaun maksimum bagi unit ASB yang boleh dibeli adalah sehingga RM200,000.00 bagi setiap Pelanggan, pada satu-satu masa termasuk baki yang belum dijelaskan bagi pembiayaan ASB-i sedia ada (jika ada), atau sehingga amaun pelaburan maksimum yang dibenarkan oleh ASNB, mengikut mana-mana yang lebih rendah; dan
- (b) **Group Credit Family Takaful (GCFT) coverage contribution as stated in the Application Form Together with Letter of Offer up to a maximum of five percent (5%) of the total Financing Amount approved by the Bank, if applicable.**
Takaful Keluarga Kredit Berkelompok (TKKB) seperti dinyatakan dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran hingga maksimum lima peratus (5%) termasuk dalam jumlah amaun Pembiayaan yang telah diluluskan oleh pihak Bank, jika terpakai.
- 3.2. **Upon approval of the Facility, the Bank shall deliver to the Customer an approval notice stating the Facility amount inclusive the Bank's Purchase Price and Bank's Sale Price inclusive of the GCFT contribution (if any) have been approved, total Securities which is equivalent to the Facility amount charged to the Bank, Effective Profit Rate (EPR), monthly instalment, fees and other charges and any other terms and conditions. The approval notice shall be a computer-generated notice.**
Setelah Kemudahan diluluskan, Bank hendaklah menyerahkan notis kelulusan kepada Pelanggan yang menyatakan amaun Kemudahan termasuk Harga Pembelian Bank dan Harga Jual Bank termasuk sumbangan TKKB (jika ada) yang diluluskan, jumlah Sekuriti yang setara dengan jumlah Kemudahan dicagarkan kepada Bank, Kadar Keuntungan Efektif (KKE), ansuran bulanan, fi serta caj lain dan apa-apa terma dan syarat lain. Notis Kelulusan ialah notis cetakan computer.
- 4.0. ASB UNITS AS SECURITY/UNIT ASB SEBAGAI SEKURITI**
- 4.1. **The Facility shall be secured against Amanah Saham Bumiputera (ASB) units of such amount determined by the Bank.**
Kemudahan hendaklah dijamin dengan unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) dalam amaun yang ditentukan oleh Bank.
- 4.2. **The Bank will hold ASB Certificate in its custody, whether in physical or electronic form as security for the Facility.**
Bank akan memegang Sijil ASB dalam jagaannya, sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik sebagai sekuriti bagi Kemudahan ini.

- 4.3. **During the continuance of the Facility until the whole Facility is satisfied in full, the ASB units shall not be withdrawn or assigned or transferred nor a trust created over the same nor any rights over the same be created in favour of or granted to any party.**
 Sepanjang tempoh Kemudahan ini diteruskan sehingga semua Kemudahan diselesaikan sepenuhnya, unit ASB tidak boleh dikeluarkan atau diserahkan hak atau dipindah milik ataupun diwujudkan amanah ke atasnya atau diwujudkan apa-apa hak ke atas unit tersebut bagi atau diberikan kepada mana-mana pihak.
- 5.0. EFFECTIVE PROFIT RATE (EPR)/KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF (KKE)**
- 5.1. **The EPR shall be based on a floating rate, which is shall not exceed the Ceiling Profit Rate (CPR) of 12% per annum.**
 KKE adalah berdasarkan kadar terapung, yang mana tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling (KKS) 12% setahun.
- 5.2. **The EPR is a combination of Standardised Base Rate ("SBR") plus Spread Profit Rate.**
 KKE adalah kombinasi Kadar Asas Standard ditambah Kadar Keuntungan Sebaran.
- 5.3. **The EPR is effective from the date of Approval Notice until full settlement of the account.**
 KKE berkuat kuasa dari tarikh pemberitahuan Notis Kelulusan sehingga penyelesaian penuh akaun.
- 5.4. **The current SBR is specified in the Application Form Together with Letter of Offer and subject to change. The notification of such variation may be by way of advertisement in any newspaper circulating in Malaysia, or by notice displayed at the Bank's premises or such other mode as the Bank deems fit.**
 KAS semasa seperti dinyatakan di dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran dan tertakluk pada perubahan. Pemberitahuan mengenai perubahan tersebut boleh dilakukan melalui pengiklanan di dalam mana-mana surat khabar yang diedarkan di Malaysia, atau melalui notis yang dipamerkan di premis Bank atau cara lain yang pihak Bank anggap sesuai.
- 5.5. **The EPR is calculated and applied on the monthly balance basis is subject to change with seven (7) calendar days of prior notification. The notification of such variation may be by way of advertisement in any newspaper circulating in Malaysia, or by notice displayed at the Bank's premises or such other mode as the Bank deems fit.**
 KKE dikira dan digunakan berdasarkan baki bulanan tertakluk pada perubahan dengan notis tujuh (7) calendar sebelumnya dan pemberitahuan mengenai perubahan tersebut boleh dilakukan melalui pengiklanan di dalam mana-mana surat khabar yang diedarkan di Malaysia, atau melalui notis yang dipamerkan di premis Bank atau cara lain yang pihak Bank anggap sesuai.
- 5.6. **The Bank's Sale price is calculated at CPR. However, the monthly payment will be calculated based on the EPR which will not exceed the CPR.**
 Harga Jualan Bank dikira pada KKS. Walau bagaimanapun, pembayaran bulanan akan dikira berdasarkan KKE yang mana tidak akan melebihi KKS.
- 5.7. **The Bank reserves the right to vary the said EPR and/or the financing tenure in the event of any Standardised Base Rate changes by providing seven (7) calendar days prior notice to the Customer. For changes in the EPR upon restructuring/rescheduling, notice period should be twenty-one (21) calendar days.**
 Pihak Bank berhak mengubah KKE tersebut dan/atau tempoh pembiayaan sekiranya berlaku sebarang perubahan pada Kadar Asas Standard dengan memberi notis tujuh (7) hari calendar kepada Pelanggan. Untuk perubahan dalam KKE setelah penstrukturan/ penjadualan semula, tempoh notis adalah dua puluh satu (21) hari calendar.
- 5.8. **The EPR as specified in the Application Form Together with Letter of Offer is offered to the Customer provided that the Customer continuously service the monthly installment promptly.**
 KKE sebagaimana dinyatakan di dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran adalah ditawarkan kepada Pelanggan dengan dasar bahawa Pelanggan berterusan membayar ansuran bulanan dengan segera.
- 6.0. COMPENSATION CHARGES (TA'WIDH)/CAJ GANTI RUGI (TA'WIDH)**
- 6.1. **The Customer shall be liable to pay the Bank's compensation on any amount overdue as follows (in accordance to the approved formula by the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia and any amendment of the same):**
 Pelanggan akan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi ke atas amaun tertunggak seperti berikut (menurut formula yang telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan sebarang pindaan ke atasnya):
- 6.2. **If the default occurs during the tenure of the Facility as provided in these Terms and Conditions, at the rate of one percent (1%) per annum on such overdue installment under the Facility or on such outstanding balance of the principal sum and earned profits (if any) (subject to rebate, if applicable), in the case of default causing the entire Facility to be recalled or brought to the court for judgement prior to maturity, whichever applicable, or any other method approved by the Bank's Shariah Committee and/ or Shariah Advisory Council of BNM; and**
 Sekiranya kemungkiran tersebut berlaku semasa tempoh Kemudahan seperti yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini, pada kadar satu peratus (1%) setahun atas ansuran tertunggak di bawah Kemudahan ini atau pada baki jumlah prinsipal dan keuntungan yang telah diperolehi (jika ada) (tertakluk pada rebat, jika terpakai), dalam hal keingkaran menyebabkan seluruh Kemudahan ditarik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tempoh matang, mana yang terpakai, atau kaedah lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan/atau Majlis Penasihat Syariah BNM; dan
- 6.3. **If the default occurs after the maturity of the Facility as provided or upon judgment, whichever is earlier, at the rate which is the prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate on such outstanding balance of the principal sum and earned profits (if any) (subject to rebate, if applicable) or any other method approved by the Bank's Shariah Committee and/or Shariah Advisory Council of BNM.**
 Sekiranya kemungkiran berlaku selepas tempoh matang Kemudahan atau semasa penghakiman, mana yang lebih awal, pada kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) ke atas baki jumlah prinsipal dan keuntungan yang telah diperolehi (jika ada) (tertakluk pada rebat, jika terpakai) atau kaedah lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan/atau Majlis Penasihat Syariah BNM.
- 6.4. **It is further agreed that the Compensation Charges shall not be compounded.**
 Selanjutnya adalah dipersetujui bahawa Caj Ganti Rugi tidak akan dikompaun.
- 6.5. **The Compensation Charges at the aforesaid rate shall be payable by the Customer after as well as before any judgment or order of court.**
 Caj Ganti Rugi pada kadar yang dinyatakan di atas akan dibayar oleh Pelanggan setelah dan juga sebelum sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.

7.0. AVAILABILITY PERIOD/TEMPOH KETERSEDIAAN

- 7.1. **Full disbursement of the Facility is to be made within six (6) months from the date of the Application Form Together with Letter of Offer, or such extended time as the Bank may allow at its discretion, failing which the Bank reserves the right to cancel the Facility granted and recover the actual costs, fees and expenses (on full indemnity basis) incurred by the Bank.**

Pembayaran penuh Kemudahan perlu dilakukan dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran ini, atau masa lanjutan yang boleh dibenarkan oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya, sekiranya gagal pihak Bank berhak untuk membatalkan Kemudahan yang diberikan di sini dan menebus semula kos, fi dan perbelanjaan sebenar (berdasarkan indemniti penuh) yang ditanggung oleh pihak Bank.

8.0. CONDITIONS PRECEDENT FOR DISBURSEMENT/SYARAT TERDAHULU BAGI PENGELUARAN WANG

- 8.1. **Disbursement of the Facility (as revised, restructured, renewed or supplemented from time to time by the Bank) is upon fulfillment of the following conditions precedent and such other conditions precedent as the Bank may require and subject to the Bank being satisfied, at its discretion (and in this respect, the decision of the Bank shall be final) that there are no material changes affecting the Customers' financial condition and that none of the events set out in clause 20.0 of these Terms and Conditions has occurred or may occur:**

Pembayaran Kemudahan (seperti yang disemak semula, disusun semula, diperbaharui atau ditambah dari semasa ke semasa oleh pihak Bank) adalah setelah memenuhi syarat terdahulu berikut dan syarat terdahulu lain yang mana pihak Bank kehendaki dan tertakluk pada budi bicara Bank (dan dalam hal ini, keputusan Bank adalah muktamad) bahawa tidak ada perubahan material yang menjejaskan keadaan kewangan Pelanggan dan bahawa tiada kejadian yang dinyatakan di Klausula 20.0 dalam Terma dan Syarat ini telah berlaku atau mungkin berlaku:

- (a) **receipt by the Bank of a duly accepted and signed Application Form Together with Letter of Offer together with the relevant documents;**
Bank menerima Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran yang diterima dan ditandatangani sewajarnya berserta dokumen yang berkaitan;
- (b) **receipt by the Bank of ASNB Unit Trust Financing Risk Disclosure Statement (if applicable);**
Bank menerima Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Unit Amanah ASNB (jika berkaitan);
- (c) **receipt by the Bank of any Takaful policies/Letter of Acceptance issued by the Bank's approved Takaful operator as a case may be required by the Bank, (Takaful policies shall be in form and content acceptable to the Bank and provided by Takaful Operator acceptable to the Bank), unless waived by the Bank;**
Bank menerima apa-apa polisi Takaful/Surat Setuju Terima yang dikeluarkan oleh pengendali Takaful yang diluluskan oleh Bank mengikut mana-mana yang berkenaan seperti yang dikehendaki oleh Bank, (polisi Takaful hendaklah dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank dan disediakan oleh syarikat Takaful yang diterima oleh Bank), melainkan diketepikan oleh Bank.
- (d) **receipt by the Bank of the confirmation from ASNB regarding the applicant's entitlement to purchase the relevant ASB Units (if applicable);**
Bank menerima pengesahan daripada ASNB berkenaan kelayakan Pelanggan untuk membeli unit ASB yang berkaitan (jika berkenaan).
- (e) **receipt by the Bank of any other Security pledged (if applicable);**
Bank menerima sebarang Jaminan lain yang dicagarkan (jika berkenaan).
- (f) **receipt by the Bank of a favorable results from searches and no negative indications from CCRIS, FIS or any other reference agencies deemed necessary by the Bank;**
Bank menerima keputusan yang memuaskan daripada carian dan tiada penunjuk negatif daripada CCRIS, FIS atau mana-mana agensi rujukan lain yang dianggap perlu oleh Bank.
- (g) **receipt by the Bank of the ASNB Processing Fee (if applicable);**
Bank menerima Fi pemprosesan (jika berkenaan);
- (h) **the applicant is encouraged to open and maintain a savings/current account with the Bank. This requirement is exempted for the existing account holder with the Bank or any other financial institution. The Customers are encouraged to ensure that sufficient fund is maintained in the savings/current account for the payment of monthly instalment under the Facility;**
Pemohon digalakkan untuk membuka dan mengekalkan akaun simpanan/semasa dengan Bank. Keperluan ini dikecualikan bagi pemegang akaun Bank sedia ada atau mana-mana institusi kewangan lain. Pelanggan digalakkan untuk memastikan dana yang mencukupi dikekalkan dalam Akaun simpanan/semasa bagi pembayaran ansuran bulanan di bawah Kemudahan ini;
- (i) **if the GCFT contribution is self-financed by the applicant, the applicant is to forward a written confirmation from his/her Takaful Operator with regard to the GCFT coverage, contribution payment and enforcement of policy prior to disbursement;**
sekiranya sumbangan TTKB dibiayai sendiri oleh pemohon, pemohon harus mengemukakan pengesahan bertulis daripada Pengendali Takafulnya berkenaan perlindungan TTKB, pembayaran sumbangan dan penguatkuasaan polisi sebelum pengeluaran wang;
- (j) **the additional conditions precedent (if any) shall have been satisfied and fulfilled; and**
syarat terdahulu tambahan (jika ada) hendaklah dipenuhi dan dipatuhi; dan
- (k) **Wakalah Fee, Deposit, Brokerage Fee (Agency Fee), Stamp Duty (if any) and ASNB Processing Fee (as the case may be) shall be deducted from the financing amount.**
Fi Wakalah, Deposit, Fi Broker (Fi Agensi), Duti Setem (jika ada) dan Bayaran Pemprosesan ASNB (mengikut mana-mana yang berkenaan) akan ditolak dari jumlah pembiayaan.

- 8.2. **The conditions to disbursement set out in these Terms and Conditions are intended for the sole benefit of the Bank and may be waived by the Bank, in whole or in part, without prejudicing the right of the Bank to assert such terms and conditions, in whole or in part, in respect of a subsequent utilisation of the Facility.**

Syarat pengeluaran wang yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini bertujuan untuk manfaat tunggal Bank dan mungkin diketepikan oleh Bank, keseluruhannya atau sebahagiannya tanpa memudaratkan hak Bank untuk menetapkan terma & syarat tersebut, keseluruhannya atau sebahagiannya, berhubung dengan penggunaan Kemudahan yang berikutnya.

9.0. RIGHT TO REVIEW AND TERMINATE THE FACILITY/HAK UNTUK MENYEMAK DAN MENAMATKAN KEMUDAHAN

- 9.1. **The Bank reserves the right and is entitled to review the Facility at any time as the Bank in its discretion deems fit, without any obligation, be it at law or in equity, to give any reasons and whether or not the events set out in clause 20.0 of these Terms and Conditions have occurred.**

Pihak Bank berhak dan layak untuk menyemak Kemudahan ini pada bila-bila masa jika Bank dianggap sesuai mengikut budi bicaranya, tanpa sebarang obligasi, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, untuk memberikan sebarang sebab dan sama ada kejadian yang dinyatakan dalam klausula 20.0 dalam Terma dan Syarat ini telah berlaku atau tidak.

- 9.2. **Nothing contained in these Terms and Conditions shall be deemed to impose on the Bank any obligation, either at law or in equity, to make or continue to make available the Facility.**
 Tidak ada sebarang yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini boleh dianggap meletakkan Bank ke atas sebarang obligasi, sama ada dari segi undang-undang atau ekuiti, untuk membuat atau terus menyediakan Kemudahan ini.
- 9.3. **The Bank shall provide at least twenty-one (21) days prior notice to the applicant before the new changes referred to in these Terms and Conditions take effect.**
 Bank akan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan sebelum perubahan baru berkuat kuasa dalam Terma dan Syarat ini.
- 9.4. **Notwithstanding any other provision contained in these Terms and Conditions or in any other document, the Bank will at all times have the right to terminate, cancel, suspend or reduce the limit of all or any part of the Facility and/or to require immediate payment, any form of additional security and /or cash collateralization of all or any part of the sums actually or contingently owing to it with at least twenty-one (21) calendar days' of prior notice and reason to the Customer.**
 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini atau dalam sebarang dokumen lain, pihak Bank mempunyai hak pada setiap masa untuk menamatkan, membatalkan, menggantung atau mengurangkan had kesemua atau mana-mana bahagian Kemudahan ini dan/atau menghendaki pembayaran serta-merta, sebarang bentuk sekuriti tambahan dan/atau kolateral tunai untuk semua atau sebahagian daripada jumlah yang sebenarnya atau bersyarat terhutang kepadanya dengan sekurang-kurangnya notis dua puluh satu hari (21) hari kalendar awal dan sebab kepada Pelanggan.
- 9.5. **If in the event that the Facility is terminated after the Facility Amount has been remitted to the ASNB and the Securities has been pledged, the Bank shall proceed to liquidate the Securities and the proceeds shall be used to settle the outstanding amount under the Facility.**
 Jika sekiranya Kemudahan ini ditamatkan selepas Amaun Kemudahan telah diremitkan kepada ASNB dan Sekuriti tersebut telah dicagarkan, pihak Bank akan terus mencairkan Sekuriti tersebut dan hasilnya akan digunakan untuk menyelesaikan jumlah belum dijelaskan di bawah Kemudahan ini.
- 9.6. **In the event the proceeds are insufficient to settle the outstanding, the Customer shall pay the differential sum with profit accruing thereon.**
 Sekiranya hasil tersebut tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah belum dijelaskan, Pelanggan hendaklah membayar jumlah pembezaannya dengan keuntungan yang terakru selepasnya.
- 10.0. INSTALLMENT PAYMENT/BAYARAN ANSURAN**
- 10.1. **The Customer shall be liable to pay to the Bank such amounts as set out in the approval notice or as shall be notified by the Bank as the sum owing and payable to the Bank within such time as specified in the approval notice, as the case may be.**
 Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar kepada Bank amaun tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Kelulusan atau seperti yang akan dimaklumkan oleh Bank sebagai Jumlah terhutang dan perlu dibayar kepada Bank dalam tempoh seumpamanya yang dinyatakan dalam notis kelulusan, mengikut keadaan.
- 10.2. **The monthly installment is subject to adjustment due to variation on the EPR.**
 Ansuran bulanan tertakluk pada pelarasan disebabkan perubahan pada KKE.
- 10.3. **The first Instalment Payment shall commence immediately upon full disbursement as advised by the Bank subject to adjustment on the monthly instalment or financing tenure to be made by the Bank at the Bank's discretion until full settlement of the Facility.**
 Bayaran Ansuran pertama akan bermula sebaik sahaja selepas pengeluaran wang penuh seperti yang dimaklumkan oleh Bank tertakluk pada pelarasan pada ansuran bulanan atau tempoh pembiayaan yang akan dibuat oleh Bank mengikut budi bicara Bank sehingga penyelesaian penuh Kemudahan.
- 10.4. **In the event that full disbursement of the Facility is made within 1st to 15th day of the month, the monthly installment shall fall due on the 5th day of the following month. Should full disbursement fall after the 15th day of the month, the monthly installment shall be due payable on the 5th day of the next following month.**
 Sekiranya pengeluaran penuh Kemudahan dibuat dalam 1 hingga 15 hari bulan tersebut, ansuran bulanan akan kena dibayar pada hari ke-5 bulan berikutnya. Sekiranya pengeluaran penuh jatuh selepas hari ke-15 bulan tersebut, ansuran bulanan akan kena dibayar pada hari ke-5 bulan berikutnya.
- 10.5. **In the event the EPR is varied, the Bank reserves the right to vary the instalment amount accordingly with a written advance notice of not less than twenty-one (21) days to the Customer.**
 Sekiranya KKE diubah, Bank berhak untuk mengubah amaun ansuran sewajarnya dengan notis bertulis terlebih dahulu tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan.
- 10.6. **The Bank's Sale price is calculated at CPR. However, the monthly payment will be calculated based on the EPR which will not exceed the CPR.**
 Harga Jualan Bank dikira pada KKS. Walau bagaimanapun, pembayaran bulanan akan dikira berdasarkan KKE yang tidak akan melebihi KKS.
- 11.0. EARLY SETTLEMENT/PENYELESAIAN AWAL**
- 11.1. **The Customer is entitled to make early settlement of the Facility at any time during tenure of the Facility by giving at least one (1) month advance written notice to the Bank and paying the settlement amount to the Bank.**
 Pelanggan berhak membuat penyelesaian awal bagi Kemudahan pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kemudahan dengan memberikan sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis bertulis kepada Bank terlebih dahulu dan membayar amaun penyelesaian kepada Bank.
- 12.0. PREPAYMENT/BAYARAN TERDAHULU**
- 12.1. **The Customer is entitled to make prepayment of the Facility whether in part or in full at any time during the tenure of the Facility by giving at least one (1) month advance written notice to the Bank and paying the settlement amount to the Bank.**
 Pelanggan berhak membuat bayaran terdahulu bagi Kemudahan sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kemudahan dengan memberikan sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis bertulis kepada Bank terlebih dahulu dan membayar amaun penyelesaian kepada Bank.
- 12.2. **The prepayment amount shall be applied by the Bank to part settle the Facility at the time prepayment amount is received by the Bank. The Customer shall continue to pay the instalment(s) in accordance with these Terms and Conditions until fully settled.**
 Amaun bayaran terdahulu akan digunakan oleh Bank untuk menyelesaikan sebahagian daripada Kemudahan pada masa amaun bayaran terdahulu diterima oleh Bank. Pelanggan hendaklah terus membayar ansuran menurut Terma dan Syarat ini sehingga diselesaikan sepenuhnya.

13.0. OVERPAYMENT/LEBIH BAYARAN

- 13.1. **Any payment that is in excess of the monthly instalment with no prior notice is defined as overpayment. This overpayment will be used to offset future instalment and will not reduce the Facility outstanding.**

Apa-apa pembayaran balik yang melebihi ansuran bulanan tanpa notis terdahulu ditakrifkan sebagai lebih bayaran. Lebih bayaran ini akan digunakan untuk menolak ansuran akan datang dan tidak akan mengurangkan amaun Kemudahan yang belum dijelaskan.

14.0. REPRESENTATIONS AND WARRANTIES/REPRESENTASI DAN WARANTI

- 14.1. **The Customer represents and warrants that:**

Pelanggan memberikan representasi dan waranti bahawa:

- (a) **the Customer has the capacity to enter and undertake the obligations as stated in these Terms and Conditions, the guarantee and the security documents (as the case may be);**
Pelanggan mempunyai kemampuan untuk memasuki dan melakukan obligasi seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, jaminan dan dokumen sekuriti tersebut (mengikut keadaan);
- (b) **the Customer is not in default of any agreement (whether in relation to payment, performance or otherwise) to which the Customer is a party or by which the Customer is bound;**
Pelanggan tidak mungkir daripada sebarang perjanjian (sama ada yang berkaitan dengan bayaran, prestasi atau sebaliknya) yang mana Pelanggan adalah satu pihak atau Pelanggan adalah terikat dengannya;
- (c) **there is no litigation, arbitration or dispute whether actual, pending or threatened against the Customer;**
tidak ada litigasi, timbang tara atau pertikaian samada sebenarnya, sedang atau diancam terhadap Pelanggan;
- (d) **all financial statements received or to be received by the Bank in respect of the Customer present a true and fair view of the Customer's financial position;**
semua penyata kewangan yang diterima atau akan diterima oleh pihak Bank berkenaan dengan Pelanggan merupakan pendapat benar dan adil mengenai kedudukan kewangan Pelanggan;
- (e) **there is no material adverse change in the Customer's financial condition and where applicable, the operating environment or management of the Customer's business which will materially affect the Customer's ability perform the Customer's obligations under these General Terms and Conditions and /or the security documents;**
tiada perubahan material yang buruk dalam kedudukan kewangan Pelanggan dan di mana berkenaan, lingkungan operasi atau pengurusan perniagaan Pelanggan yang akan memberi kesan penting terhadap kemampuan Pelanggan untuk melaksanakan obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat Am ini dan/atau dokumen sekuriti;
- (f) **the Customer is the legal and beneficial owner of any assets which are offered as security to the Bank in respect to the Facility, these Terms and Conditions and the security documents;**
Pelanggan adalah pemunya sah dari segi undang-undang dan pemilik berfaedah bagi setiap aset yang ditawarkan sebagai sekuriti kepada pihak Bank sehubungan dengan Kemudahan ini, Terma dan Syarat ini dan dokumen sekuriti;
- (g) **acceptance of these General Terms and Conditions, delivery and performance of all obligations under the same will constitute valid and enforceable obligations and do not or will not contravene the provisions of any law, regulation, rule, order, writ, injunction or decree of any court, administrative or regulatory body to which the Customer is subject and does not contravene any other agreement to which the Customer is a party or undertaking by which the Customer or the Customer's assets are bound;**
penerimaan Terma dan Syarat Am, penyerahan dan pelaksanaan semua obligasi di bawahnya akan menjadi obligasi yang sah dan dapat dilaksanakan dan tidak atau tidak akan melanggar peruntukan sebarang undang-undang, peraturan, kaedah, writ, injunksi atau dekri sebarang mahkamah, badan pentadbiran atau pengawalseliaan yang mana Pelanggan adalah tertakluk padanya, dan tidak melanggar sebarang perjanjian lain yang mana Pelanggan merupakan pihak atau aku janji yang mengikat pelanggan atau aset Pelanggan.
- (h) **the Customer have fully disclosed in writing to the Bank all facts relating to the Customer which the Customer knows or should reasonably know, and which are material for disclosure to the Bank in the context of the Facility;**
Pelanggan telah mendedahkan sepenuhnya secara bertulis kepada pihak Bank semua fakta yang berkaitan dengan Pelanggan yang mana Pelanggan mengetahui atau wajar mengetahui dan yang mana ia adalah material untuk didedahkan kepada pihak Bank dalam konteks Kemudahan ini.
- (i) **all the information furnished by the Customer in connection with the Facility do not contain any untrue statement or omit to state any fact and all expressions of expectation, intention, belief and opinion and all projections contained in the same were honestly made on reasonable grounds after due and careful enquiry;**
semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan sehubungan dengan Kemudahan ini tidak mengandungi sebarang pernyataan yang tidak benar atau meninggalkan sebarang fakta dan semua ungkapan jangkaan, niat, kepercayaan dan pendapat dan semua unjuran yang terkandung di dalamnya dibuat dengan jujur dengan dasar yang munasabah setelah siasatan yang wajar dan teliti;
- (j) **the Customer is subject to civil and commercial law with regard to the Customer's obligations under the Facility and the execution, delivery and performance of the obligations created under the same constitute private and commercial acts rather than governmental or public acts and the Customer nor any of the Customer's properties do not enjoy any immunity on the grounds of sovereignty or otherwise in respect of their obligations arising under the Facility;**
Pelanggan adalah tertakluk pada undang-undang sivil dan komersial sehubungan dengan obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan ini dan pelaksanaan, penyerahan dan prestasi obligasi yang dibentuk di bawah ini merupakan tindakan peribadi dan komersial dan bukan tindakan kerajaan atau awam dan Pelanggan atau harta Pelanggan tidak menikmati kekebalan atas alasan kedaulatan atau sebaliknya berkenaan dengan obligasi Pelanggan yang berbangkit di bawah Kemudahan ini;
- (k) **no bankruptcy or winding up proceedings have been commenced against the Customer.**
tiada prosiding kebangkrutan atau penggulangan telah dimulakan terhadap Pelanggan.

15.0. SECURITY/SEKURITI

- 15.1. **Any security taken by the Bank or any money deposited with the Bank shall continue to be held by the Bank until amounts outstanding from the Customer to the Bank under the Customer's Facility with the Bank, including contingent liabilities, has been fully settled by the Customer and the expired guarantees/bonds/indemnities, documentary or other credits or any instruments whatever from time to time entered into by the Bank for the Customer's account have been returned to the Bank for cancellation notwithstanding:**
 Sebarang sekuriti yang diambil oleh Bank atau wang yang didepositkan kepada Bank akan terus dipegang oleh Bank sehingga jumlah tertunggak dari Pelanggan kepada Bank di bawah Kemudahan Pelanggan dengan Bank, termasuk liabiliti luar jangka, telah diselesaikan sepenuhnya oleh Pelanggan dan jaminan/bon/ganti rugi yang luput, dokumentari atau kredit lain atau instrumen apa pun dari semasa ke semasa yang dimasukkan oleh Bank untuk akaun Pelanggan walaupun telah dikembalikan kepada Bank untuk pembatalan:
- (a) **That the Customer cease to be indebted to the Bank for any period or periods;**
 bahawa Pelanggan berhenti berhutang kepada Bank untuk apa-apa tempoh atau tempoh;
 - (b) **that any of the Customer's account(s) with the Bank from any reason cease to be current and notwithstanding any settlement of account(s) or otherwise;**
 bahawa mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank dari sebab apa pun berhenti menjadi terkini dan walau apa pun penyelesaian akaun atau sebaliknya;
 - (c) **that any change by amalgamation, consolidation or otherwise which may be made in the constitution of any guarantor or the Bank; or**
 bahawa apa-apa perubahan melalui penggabungan, penyatuan atau sebaliknya yang boleh dilakukan dalam perlembagaan mana-mana penjamin atau Bank; atau
 - (d) **the Customer's death, mental incapacity or bankruptcy or the death, mental incapacity or bankruptcy or liquidation of any guarantor, whether voluntary or compulsory.**
 kematian Pelanggan, ketidakupayaan mental atau muflis atau kematian, ketidakupayaan mental atau muflis atau pembubaran mana-mana penjamin, sama ada secara sukarela atau wajib.
- 15.2. **In the event of the death or bankruptcy, winding-up or receivership of any guarantor, the Customer shall promptly inform the Bank, and provide another guarantee to the Bank's satisfaction and/or such further security as the Bank shall require.**
 Sekiranya berlaku kematian atau muflis, penggugungan atau penerimaan penjamin, Pelanggan akan segera memberitahu Bank, dan memberikan jaminan lain sehingga Bank berpuas hati dan/ atau sekuriti lebih lanjut yang dikehendaki oleh Bank.

16.0. COSTS, EXPENSES AND FEES/KOS, PERBELANJAAN DAN FI

mengubah atau meminda sebarang terma Kemudahan ini atau sebarang dokumen sekuriti dengan memberi Pelanggan, notis dan sebab sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum Terma dan Syarat baru berkuat kuasa; atau
 - (h) **grant further facilities, convert, vary, interchange, appropriate or substitute partly or wholly any of the Facility with other banking facilities.**
memberikan kemudahan lanjutan, menukar, mengubah, mengubah silang atau mengganti sebahagian atau keseluruhan Kemudahan ini dengan kemudahan perbankan lain.
- 30.2. **If the Customer is not agreeable to the amended terms and conditions of the Facility, the Customer shall notify the Bank in writing of the same within twenty-one (21) calendar days from the date notice was deemed to be delivered by the Bank and redeem the Facility by paying the indebtedness and all sums due to the Bank in full.**
Sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan terma dan syarat Kemudahan yang telah diubah, Pelanggan harus memberitahu Bank secara bertulis mengenai hal itu dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis dianggap dihantar oleh Bank dan menebus Kemudahan dengan membayar hutang dan semua jumlah hutang kepada Bank sepenuhnya.
- 30.3. **In the event the Customer continue to maintain the Facility, twenty-one (21) calendar days after the date notice was deemed to be delivered of any amendment to the terms and conditions of the Facility by the Bank, the Customer shall be deemed to have accepted the amendments to the terms and conditions of the Facility.**
Sekiranya Pelanggan terus memelihara Kemudahan ini, dua puluh satu (21) hari kalendar setelah tarikh pemberitahuan dianggap telah disampaikan mengenai sebarang perubahan pada terma dan syarat Kemudahan oleh Bank, Pelanggan akan dianggap telah menerima pindaan terma dan syarat Kemudahan.

31.0. INDEPENDENT PAYMENT OBLIGATIONS/OBLIGASI PEMBAYARAN BEBAS

- 31.1. **The Customer expressly agrees and declares that each of the Customer's obligations to pay under these General Terms and Conditions, constitute separate and independent obligations, shall give rise to separate and independent causes of actions, shall apply despite any waiver granted by the Bank and despite any judgment, order, claim or proof for a liquidated amount in respect of some other obligation. The Bank may independently or simultaneously commence any other action under such obligations or under any of the security documents.**

Pelanggan nyata bersetuju dan mengisytiharkan bahawa setiap obligasi Pelanggan untuk membayar di bawah Terma dan Syarat Am ini, merupakan obligasi berasingan dan bebas, akan menimbulkan sebab tindakan yang terpisah dan bebas, akan terpakai walaupun ada pengecualian yang diberikan oleh pihak Bank dan walaupun wujud sebarang penghakiman, perintah, tuntutan atau bukti untuk jumlah yang dcairkan yang berkaitan dengan obligasi lain. Pihak Bank boleh secara bebas atau serentak memulakan tindakan lain di bawah obligasi tersebut atau di bawah sebarang dokumen sekuriti.

32.0. NOTIFICATION/NOTIFIKASI

- 32.1. **The Customer shall give the Bank written notice of any event of default under these Terms and Conditions or the security documents within three (3) Business Days of the Customer becoming aware of the occurrence of the same.**

Pelanggan akan memberi notis bertulis kepada pihak Bank mengenai sebarang kejadian keingkaran di bawah Terma dan Syarat ini atau dokumen sekuriti dalam masa tiga (3) Hari Perniagaan apabila Pelanggan menyedari berlakunya kejadian tersebut.

33.0. INDEMNITY/INDEMNITI

- 33.1. **Without prejudice to the foregoing terms and provisions and in addition and without prejudice to any other powers, rights and remedies which the Bank may be entitled to, the Customer shall indemnify the Bank and hold the Bank harmless from and against any losses, damages and expenses, legal or otherwise, (including but not limited to all legal costs incurred by the Bank on a solicitor and client basis) which the Bank may sustain, suffer or incur as a consequence of any default in the payment of the Facility and profit or any portion of the same. Such indemnity shall include any other amounts payable under these General Terms and Conditions or under the guarantee and / or the security documents, or on account of the non-observance of all or any of the terms, stipulations, agreements and provisions on the Customer's part or the part of any security party and / or guarantor contained in these General Terms and Conditions or under the security documents. Such losses, damages and expenses shall include but not be limited to such amount as the Bank shall certify (such certification being accompanied by the basis and calculation of such amount and being conclusive and binding upon the Customers save for any obvious error), unless such losses, damages or expenses are attributable to the default, negligence or fraud of the Bank.**

Tanpa prejudis terhadap terma dan peruntukan di atas dan sebagai tambahan dan tanpa prejudis terhadap kuasa, hak dan remedi lain yang mungkin layak oleh Bank, Pelanggan akan menanggung rugi terhadap Bank dan menjadikan Bank tidak terjejas dari dan terhadap sebarang kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan, sebarang pun, dari segi undang-undang atau sebaliknya, (termasuk tetapi tidak terhad kepada semua kos perundangan yang ditanggung oleh Bank atas dasar peguam cara dan pelanggan) yang Bank mungkin tanggung, alami atau berlaku sebagai akibat daripada sebarang kemungkiran pembayaran Kemudahan ini dan keuntungan di atasnya atau di sebarang bahagiannya, atau sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat Am atau di bawah jaminan dan/atau dokumen sekuriti, atau kerana ketidakpatuhan kesemua atau sebarang terma yang termaktub dalam perjanjian dan peruntukan di pihak Pelanggan atau di pihak sebarang pihak sekuriti dan/atau penjamin yang terkandung di dalam Terma dan Syarat Am atau di bawah dokumen sekuriti, dan kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada jumlah yang disahkan oleh Bank (pengesahan tersebut disertakan dengan asas dan perhitungan jumlah tersebut dan menjadi konklusif dan mengikat Pelanggan kecuali untuk sebarang kesalahan nyata), kecuali kehilangan, ganti rugi atau perbelanjaan tersebut disebabkan oleh kemungkiran, kecuai atau penipuan daripada pihak Bank.

34.0. LIENS AND OTHER RIGHTS/LIEN DAN HAK-HAK LAIN

- 34.1. **In addition and without prejudice to any other remedy, right or security which the Bank may have, the Bank shall, for so long as the Facility shall remain in effect or any money remains to be payable by the Customers, have a general lien on all the Customer's securities and other assets which are now or which may be deposited with or in or come into the possession, custody or control of or held in the name or to the order or for the account of the Bank and/or the nominee of the Bank whether for safe custody or security or otherwise or for any specific or general purpose.**

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan sebarang remedi, hak, atau sekuriti lain yang Bank mungkin ada, Bank akan, selama mana Kemudahan ini kekal efektif atau sebarang wang masih perlu dibayar oleh Pelanggan, mempunyai lien am terhadap semua sekuriti dan aset lain Pelanggan yang sekarang atau yang mungkin dari semasa ke semasa selepas ini didepositkan dengan atau menjadi milikan, jagaan atau kawalan atau dipegang atas nama atau atas arahan atau untuk akaun Bank dan/atau penama Bank sama ada untuk jagaan keselamatan atau sekuriti atau selainnya atau untuk tujuan spesifik atau am.

- 34.2. **Nothing contained in these General Terms and Conditions shall prejudice or affect the rights and remedies or any other security which the Bank may from time to time be entitled to or which the Bank may hold for or on account of the principal sums outstanding from time to time under the Facility or any other monies owing by the Customers to the Bank. Nothing contained in these General Terms and Conditions shall prejudice or affect any bill, note, guarantee, charge or other security which the Bank may for the time being have or hold for any monies financed or advanced, profit on the same and other monies or any right or remedy of the Bank under such bill, note, guarantee, charge or other security.**

Tiada sebarang yang terkandung di dalam Terma dan Syarat boleh memprejudiskan atau menjejaskan hak-hak dan remedi-remedi atau sekuriti lain yang Bank boleh dari semasa ke semasa layak atau yang mungkin dipegang oleh pihak Bank atau kerana jumlah prinsipal tertunggak dari semasa ke semasa di bawah Kemudahan ini atau sebarang wang lain yang terutang oleh Pelanggan kepada Bank. Tiada sebarang perkara di dalam Terma dan Syarat Am memprejudiskan atau menjejaskan sebarang bil, nota, jaminan, gadaian atau sekuriti lain yang Bank mungkin pada masa kini mempunyai atau memegang sebarang wang yang dibiayai atau dahulukan, keuntungan ke atasnya dan wang lain yang disebutkan di atas atau sebarang hak atau remedi Bank di bawah bil, nota, jaminan, gadaian atau sekuriti lain.

35.0. BANK'S PRIVACY NOTICE/NOTIS PRIVASI BANK

- 35.1. **The Customer confirms that the Customer has been reminded to read, understand and agree to be bound by the Bank's Privacy Notice and the clauses in these Terms and Conditions, as may relate to the processing of the Customer's personal information. For the avoidance of doubt, the Customer agrees that the said Bank's Privacy Notice shall be deemed to be incorporated by reference into these Terms and Conditions. Bank's Privacy Notice shall be considered to be incorporated by reference into this General Terms and Conditions.**

Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank dan klausa di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan setuju bahawa Notis Privasi Bank tersebut akan dianggap dimasukkan dengan merujuk kepada Terma dan Syarat Am ini.

- 35.2. **In the event the Customer provides personal and/or financial information relating to third parties, including information relating to the Customer's next-of-kin and dependents, for the purpose of opening or operating the Customer's account(s) / facility(ies) with us or otherwise subscribing to our products and services, the Customer:**
 Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan berkenaan dengan pihak ketiga termasuk maklumat berkenaan dengan waris kadim dan tanggungan Pelanggan, bagi tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pelanggan dengan pihak Bank atau selainnya pelanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan:
- (a) **confirms that the Customer has obtained their consent and/or are otherwise entitled to provide this information to the Bank and for the Bank to use it in accordance with these Terms and Conditions;**
 mengesahkan bahawa Pelanggan telah mendapatkan kebenaran mereka dan/atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma dan Syarat ini;
 - (b) **agree to ensure that the personal and financial information of the said third parties is accurate; and**
 bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; dan
 - (c) **agree to update the Bank in writing in the event of any material change to the said personal and financial information.**
 bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku perubahan material terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut.
- 35.3. **Where the Customer instructs the Bank to effect any sort of cross border transaction (including to make or receive payments), the details relevant to the cross-border transaction (including information relating to those involved in the said transaction) may be received from or sent abroad, where it could be accessible (whether directly or indirectly) by overseas regulators and authorities in connection with their legitimate duties (e.g. the prevention of crime). In instructing the Bank and/or the Bank's agents to enter into any cross-border transaction on the Customer's behalf, the Customer agrees to the above said disclosures on behalf of the Customer and others involved in the said cross border transaction.**
 Jika Pelanggan mengarahkan pihak Bank untuk melakukan sebarang jenis transaksi rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkaitan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk maklumat berkenaan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia dapat diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara sehubungan dengan tugas mereka yang sah (contohnya pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan pihak Bank dan/atau ejen Bank untuk memasuki transaksi rentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan yang dinyatakan di atas bagi pihak Pelanggan dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 35.4. **The Customer acknowledges that certain communications such as statements of account and the Bank's websites contain standard information regarding the Bank other products and services that cannot be removed without affecting the delivery / provision of the Bank's services and/or products, the operation of the Customer's account(s) and/or facility(ies) with us, and / or additional costs to the Customer.**
 Pelanggan mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web Bank mengandungi maklumat standard berkenaan dengan produk dan perkhidmatan Bank yang lain yang tidak boleh dibuang tanpa menjejaskan penyampaian/peruntukan perkhidmatan dan/atau produk Bank, pengendalian akaun Pelanggan dan/atau kemudahan dengan Bank dan/atau kos tambahan terhadap Pelanggan.
- 35.5. **The Bank may use a credit reference agency to help make decisions, for example when the Bank needs to:**
 Pihak Bank boleh menggunakan agensi rujukan kredit untuk membantu dalam membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu untuk:
- (a) **check details on applications for credit and credit related or other facilities;**
 memeriksa butiran permohonan bagi kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain;
 - (b) **manage credit and credit related accounts or facilities, including conducting reviews of the Customer's portfolio(s); and / or**
 menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit termasuk membuat semakan portfolio Pelanggan; dan/atau
 - (c) **recover debts.**
 mendapatkan semula hutang.
- 35.6. **The Customer will be linked by credit reference agencies to any other names the Customer uses or have used and any joint and several applicants. The Bank may also share information about the Customer and how the Customer manages the Customer's account(s) / facility(ies) with relevant credit reference agencies.**
 Pelanggan akan dihubungkan oleh agensi rujukan kredit kepada sebarang nama lain yang Pelanggan gunakan atau pernah gunakan, dan sebarang Pelanggan bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pelanggan dan cara Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan Pelanggan dengan agensi rujukan kredit yang berkenaan.
- 35.7. **The Bank reserves the right to amend this clause from time to time at the Bank's discretion and shall provide twenty-one (21) days prior notification to the Customers in writing and place any such amendments on the Bank's websites and/or by placing notices at the banking halls or at prominent locations within the Bank's branches.**
 Pihak Bank berhak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak Bank dan akan memberikan dua puluh satu (21) hari notis awal kepada Pelanggan secara bertulis dan meletakkan sebarang pindaan tersebut di laman web Bank dan/atau dengan meletakkan notis di dewan-dewan perbankan atau di lokasi yang ketara di cawangan Bank.
- 35.8. **This clause shall be without prejudice to any other clause in these General Terms and Conditions or in the regulatory requirements of BNM which provides for the disclosure of information.**
 Klausa ini adalah tanpa prejudis terhadap klausa lain dalam Terma dan Syarat Am ini atau dalam keperluan kawal selia BNM yang memperuntukkan pendedahan maklumat.
- 36.0. TAX CLAUSE/FASAL CUKAI**
- 36.1. **Any sum specified or payable under these General Terms and Conditions is exclusive of applicable taxes. The Bank's charges do not include any future taxes that may be imposed. If a new tax or levy is implemented, the Bank is entitled to recover from the Customer any such taxes or levies imposed by laws or regulations (including any amendments thereto) on fees, charges, or services related to the Customer's account and/or facilities with the Bank.**
 Sebarang jumlah yang dinyatakan atau perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat Am ini tidak termasuk cukai yang dikenakan. Caj Bank tidak termasuk sebarang cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan. Jika cukai atau levi baharu dilaksanakan, Bank berhak untuk mendapatkan semula daripada Pelanggan apa-apa cukai atau levi yang dikenakan oleh undang-undang atau regulasi (termasuk sebarang pindaan padanya) ke atas fi, caj, atau perkhidmatan yang berkaitan dengan akaun dan/atau kemudahan Pelanggan dengan Bank.

37.0. FORCE MAJEURE/FORCE MAJEURE

- 37.1. **The Bank is not required to undertake its obligations if it is prohibited to do so as a direct or indirect result of any natural disasters, riots, public unrests, terrorist act, labor strikes, lock out, fires, floods, accidents, machine failures or computer/computer system or anything out of the reasonable control of the Bank. In such event, the Bank shall provide written notice to you of the same.**
 Pihak Bank tidak dikehendaki untuk melaksanakan obligasinya jika ianya dilarang dari dilakukan sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari bencana alam, rusuhan, pergolakan awam, tindakan pengganas, mogok pekerja, larangan keluar, kebakaran, banjir, kemalangan, kegagalan mesin atau komputer/sistem komputer atau apa sahaja di luar kawalan pihak Bank yang wajar. Sekiranya berlaku, Bank akan memberikan notis bertulis kepada anda.

38.0. SUCCESSORSHIP/PEWARISAN

- 38.1. **These Terms and Conditions shall be binding upon the successors, representatives and replacement (if required) of the parties.**
 Terma dan syarat ini akan mengikat pewaris, wakil dan pengganti (jika diperlukan) pihak di sini.

39.0. WHISTLE BLOWING AND BUSINESS ETHICS/PENDEDAHAN PENYELEWENGAN DAN ETIKA PERNIAGAAN

- 39.1. **The Customer shall, as soon as reasonably possible, in writing or orally, inform any of the officers of the Bank, upon having knowledge of any director, officer or employee of the Bank, directly or indirectly, asking for or receiving from the Customer or its Affiliates, any Gratification in relation to these General Terms and Conditions whether for his own personal benefit or advantage or of the benefit or advantage of any other person, in relation to these General Terms and Conditions, whether before, during or after the term of these General Terms and Conditions, and the Customer or its Affiliates knows that such Gratification is not for the benefit of the Bank.**
 Pelanggan hendaklah, secepat mungkin yang munasabah, secara bertulis atau secara lisan, memaklumkan mana-mana pegawai Bank, apabila mengetahui tentang sebarang pengarah, pegawai atau pekerja Bank, sama ada secara langsung atau tidak langsung, meminta atau menerima daripada Pelanggan atau Gabungannya, sebarang Imbuhan berhubungan dengan Terma dan Syarat Am sama ada untuk faedah atau kelebihan peribadinya atau faedah atau kelebihan orang lain, berhubungan dengan Terma dan Syarat Am, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Terma dan Syarat Am ini, dan Pelanggan atau Gabungannya tahu bahawa Imbuhan tersebut bukan untuk faedah Bank.
- 39.2. **The Customer undertakes that neither it nor its Affiliate nor anyone acting on its direction or authority shall, whether before, during or after the term of these General Terms and Conditions, directly or indirectly, give or offer, or agree to give or offer, any Gratification in relation to these Terms and Conditions as an inducement or reward to any director, officer or employee of the Bank or any other person, for doing or forbearing from doing or for having done or for borne from doing any act, or for showing or for bearing from showing favour or disfavour to any person, in relation to these Terms and Conditions.**
 Pelanggan berakut janji bahawa tiada dia atau Gabungannya atau sesiapa yang bertindak atas arahan atau kuasanya, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Terma dan Syarat Am ini, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menawarkan, atau bersetuju untuk memberi atau menawarkan, sebarang Imbuhan berhubungan dengan Perjanjian ini sebagai dorongan atau ganjaran kepada sebarang pengarah, pegawai atau pekerja Bank atau orang lain, kerana melakukan atau menahan dari melakukan atau kerana telah melakukan atau telah menahan dari melakukan sebarang perbuatan pun, atau kerana menunjukkan atau menahan dari menunjukkan pilih kasih atau tidak suka terhadap sebarang orang, berhubungan dengan Terma dan Syarat.
- 39.3. **In the event there is evidence that the Customer, its Affiliate or anyone acting under its direction or authority is in breach of clause 39.1 or 39.2 above, the Bank may terminate the Facility (without prejudice to the Bank's other rights remedies under the law) by giving written notice to the Customer. Upon such termination, the Bank (or any description consistently used in these Terms and Conditions) shall be entitled to claim all losses, costs, damages and expenses including any incidental costs and expenses incurred by the Bank arising from such termination. The Customer shall not be entitled to recover from the Bank any loss arising from such termination.**
 Sekiranya terdapat keterangan bahawa Pelanggan, Gabungannya atau sesiapa yang bertindak di bawah arahan atau kuasanya melanggar klausa 39.1 atau 39.2 di atas, pihak Bank boleh menamatkan Perjanjian ini (tanpa prejudis terhadap hak remedi Bank yang lain di bawah undang-undang) dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Setelah penamatan tersebut, pihak Bank (atau sebarang deskripsi yang digunakan secara konsisten dalam Perjanjian ini) berhak menuntut semua kehilangan, kos, kerugian dan perbelanjaan termasuk sebarang kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penamatan tersebut. Pelanggan tidak berhak untuk mendapatkan kembali dari Bank sebarang kerugian yang berbangkit akibat penamatan tersebut.
- 39.4. **Notwithstanding any other provision in these General Terms and Conditions but subject to any written law and with the exception of written requests from the Customer's internal auditors or lawyers for information required by any laws, the Bank shall keep confidential any information disclosed or received including the identity of the person giving the information and all the circumstances relating to the information.**
 Walau apa pun peruntukan lain di Terma dan Syarat Am ini tetapi tertakluk pada undang-undang bertulis dan dengan permohonan bertulis untuk mengetepikan dari juruaudit dalaman atau peguam Pelanggan untuk maklumat yang diperlukan oleh undang-undang, pihak Bank akan merahsiakan segala maklumat yang didedahkan atau diterima termasuk identiti orang yang memberikan maklumat dan semua keadaan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.
- 39.5. **The Customer shall also whistle-blow in the event of any malpractice or wrong-doing by the Bank's staff or employees toward them or their staff, agents or contractors.**
 Pelanggan juga akan mendedahkan sekiranya berlaku penyelewengan atau salah laku oleh kakitangan atau pekerja Bank terhadap mereka atau kakitangan, ejen atau kontraktor mereka.
- 39.6. **For the purpose of this clause:**
 Untuk tujuan klausa ini:
- (a) **"Affiliate" means in relation to the Customer, any person or entity owned and controlled directly or indirectly by the Customer, or any person or entity that controls directly or indirectly the Customer in any way;**
 "Gabungannya" bermaksud berhubungan dengan Pelanggan, setiap orang atau entiti yang dimiliki dan dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, atau sebarang orang atau entiti yang mengawal Pelanggan secara langsung atau tidak langsung dengan apa cara pun.
- (b) **"Gratification" includes any gift, money, property or thing of value or any service, favour or other thing of value, or any service, favour or other intangible benefit or consideration of any kind, or any other similar advantage.**
 "Imbuhan" merangkumi sebarang hadiah, wang, harta atau barang berharga atau sebarang perkhidmatan, bantuan atau perkara lain yang bernilai, atau sebarang perkhidmatan, bantuan atau faedah tidak ketara lain atau balasan dalam bentuk apa pun, atau kelebihan lain yang sama.

- 39.7. **The Customer shall demonstrate a high standard of ethical conduct and professionalism in order to safeguard the Bank's good name by taking all necessary safeguards and precautions to alert the commission of any unethical action including any appearance or impression to such effect.**

Pelanggan harus menunjukkan tingkah laku etika dan profesionalisme yang tinggi untuk melindungi nama baik Bank dengan mengambil semua perlindungan dan langkah berjaga-jaga yang diperlukan untuk menyedari berlakunya sebarang tindakan yang tidak beretika termasuk penampilan atau kesan yang berlaku.

40.0. **SHARIAH COMPLIANCE/KEPATUHAN SHARIAH**

- 40.1. **The Customer hereby agrees and confirms that this Facility and any transaction entered into pursuant to this Facility are subject to and in conformity with Shariah principles, as ascertained by the Shariah Advisory Council (SAC) of Bank Negara Malaysia and/or any other authority having jurisdiction over the Bank.**

Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa Kemudahan ini dan sebarang transaksi yang dilakukan lanjutan dari Kemudahan ini adalah tertakluk pada dan mematuhi prinsip Syariah, seperti yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia dan/atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

- 40.2. **Where in any proceedings relating to this Facility and any transaction entered into pursuant to this Facility before any court or arbitrator any question arises concerning a Shariah matter, the court or the arbitrator, as the case may be shall:**

Di mana dalam prosiding yang berkaitan dengan Kemudahan ini dan sebarang transaksi yang dimasuki lanjutan dengan Kemudahan ini di hadapan mahkamah atau penimbang tara, timbul persoalan mengenai Syariah, mahkamah atau penimbang tara, mengikut keadaannya akan:

- (a) **take into consideration any published rulings of the SAC; or**
mengambil pertimbangan sebarang keputusan yang diterbitkan MPS; atau
- (b) **refer such question to the SAC for its ruling.**
merujuk soalan tersebut kepada MPS untuk keputusannya

- 40.3. **Any such rulings made by the SAC shall be final and binding among the Customer and the Bank and the court or arbitrator making a reference to the SAC.**

Sebarang keputusan yang dibuat oleh MPS adalah muktamad dan mengikat di antara Pelanggan dan Bank dan mahkamah atau penimbang tara yang membuat rujukan kepada MPS.

- 40.4. **If at any time before or during this Facility and any transaction entered into pursuant to this Facility, it is discovered or it has come to the attention of the Customer and the Bank that any aspect or part/portion of this Facility, is likely to infringe any Shariah principles, guidelines, specifications, standards or circulars, the Customer and the Bank agree that the relevant provision and/or term shall be amended/varied for compliance purpose. The amendment or variation is to such extent as is necessary to be in conformity with Shariah principles, guidelines, specifications, standards or circulars. The Bank shall be entitled to issue such amendments or variations by giving the requisite twenty-one (21) calendar days' notice to the Customer.**

Sekiranya pada suatu waktu sebelum atau semasa Kemudahan ini dan transaksi yang dimasuki lanjutan kepada Kemudahan ini, ianya ditemui atau diketahui oleh Pelanggan dan Bank bahawa sebarang aspek atau bahagian dari Kemudahan ini, berkemungkinan melanggar sebarang prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekeliling Syariah, Pelanggan dan Bank dengan ini bersetuju bahawa peruntukan dan/atau terma yang relevan tersebut akan dipinda/diubah untuk tujuan pematuhan. Pindaan atau variasi adalah seperti mana yang diperlukan agar sesuai dengan prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekeliling Syariah. Bank berhak untuk mengeluarkan pindaan atau perubahan tersebut dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari calendar seperti yang dikehendaki kepada Pelanggan.

- 40.5. **The Customer agrees that the Indebtedness arising from the Customer's utilization of the Facility shall remain intact and owing and shall not in any way or manner be affected adversely by any Shariah ruling as above.**

Pelanggan bersetuju bahawa Keberhutangan yang timbul dari penggunaan Kemudahan ini oleh Pelanggan akan tetap utuh dan terhutang dan tidak akan terjejas dengan cara atau keadaan apa pun oleh keputusan Syariah di atas.

41.0. **REBATE (IBRA') FOR EARLY SETTLEMENT/REBAT (IBRA') UNTUK PENYELESAIAN AWAL**

- 41.1. **For ASB Financing-i facility, the Bank shall grant rebate to the applicant if any of the following shall occur:**

Untuk kemudahan Pembiayaan ASB-i, pihak Bank akan memberikan rebat kepada Pelanggan sekiranya berlaku perkara:

- (a) **Early settlement or early redemption, including those arising from prepayments;**
Penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang berbangkit dari pembayaran awal;
- (b) **Settlement of the original financing contract due to financing restructuring exercise;**
Penyelesaian kontrak pembiayaan asal akibat penstrukturan semula pembiayaan;
- (c) **Settlement of the Facility in the case of default; and**
Penyelesaian Kemudahan ini sekiranya berlaku kemungkiran; dan
- (d) **Settlement of the Facility in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.**
Penyelesaian Kemudahan ini sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

- 41.2. **Rebate shall be calculated based on the following formula:**

Rebat akan dikira berdasarkan formula berikut:

Rebate (Ibra') = (Deferred Profit) – (Reasonable Estimated Cost Incurred by the Bank) Rebat (Ibra') = (Keuntungan Tertangguh) – (Kos Taksiran Munasabah yang Ditanggung oleh Bank)

- 41.3. **Rebate shall not be construed in any manner whatsoever as cash rebate payable to the applicant but shall be reflected as a reduction in the profit element of the installment of the Bank's Sale Price.**

Rebat tidak boleh ditafsirkan dengan apa cara sekalipun pun sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan, tetapi akan dicerminkan sebagai pengurangan elemen keuntungan daripada ansuran Harga Jualan Bank.

- 41.4. **Rebate shall only be granted in the manner as determined by the Bank upon receipt of the settlement/redemption sum.**

Rebat hanya akan diberikan dengan cara yang ditentukan oleh pihak Bank setelah menerima jumlah penyelesaian/penebusan.

42.0. DISBURSEMENT OF FINANCING AMOUNT/PEMBAYARAN AMAUN PEMBIAYAAN

- (a) **Amanah Saham Bumiputera/Amanah Saham Bumiputera 2 as a lien against the Facility:**
The Customer authorises the Bank or its agent to purchase the Amanah Saham Bumiputera/Amanah Saham Bumiputera 2 on behalf of the Customer using the net financing amount.
Amanah Saham Bumiputera/Amanah Saham Bumiputera 2 sebagai lien terhadap Kemudahan:
Pelanggan memberi kuasa kepada Bank atau ajennya untuk membeli Amanah Saham Bumiputera/Amanah Saham Bumiputera 2 bagi pihak Pelanggan menggunakan amaun bersih pembiayaan.